




JABATAN KEWANGAN NEGERI

TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld. 4 (34)
Tarikh : **23** Mei 2025

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato'/YAA/YBhg. Dato'/Dr/Ir/Tuan/Puan,

Pengecualian Cukai Pendapatan ke Atas Bantuan Khas Kewangan dan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 kepada Perkhidmatan Awam Negeri

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan MOF.TAX(S)700-3/1/809 Jld. 2 (19) bertarikh 14 April 2025 telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas **Bantuan Khas Kewangan (BKK) termasuk Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 kepada Perkhidmatan Awam Negeri**, terhad sehingga **RM1,000.00** yang dibayar dalam tahun 2025. Bayaran BKK dan BKKA yang selebihnya adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

3. Sepertimana yang sedia maklum, bayaran BKK dan BKKA yang diproses melalui Modul Gaji sistem perakaunan Kerajaan Negeri telah ditetapkan sebagai pendapatan yang tidak dikenakan cukai. Sehubungan dengan itu, bayaran BKK dan BKKA akan dilaporkan sebagai pendapatan yang tidak dikenakan cukai pada Laporan Penyata Tahunan Individu.

4. Selaras dengan surat Kementerian Kewangan Malaysia di perenggan 2, **adalah menjadi kewajipan setiap pegawai untuk mengisytiharkan lebihan BKK dan BKKA sebagai pendapatan bercukai.** Mohon kerjasama pihak YB Dato'/YAA/YBhg. Dato'/Dr/Ir/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan mengenai perkara ini. Kerjasama dan perhatian YB Dato'/YAA/YBhg. Dato'/Dr/Ir/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,

(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

zu/ppcb2025